

SOALAN LAZIM -RHB SMART ACCOUNT- i DAN PERKHIMATAN RHB RIDER
Seksyen 1: RHB Smart Account – i

Seksyen 2: Perkhidmatan RHB Rider

Seksyen 1
Q1 Apakah RHB Smart Account / RHB Smart Account-i?
A1 RHB Smart Account & RHB Smart Account-i adalah akaun yang memberi ganjaran berdasarkan transaksi perbankan yang dilaksanakan oleh pelanggan (“Akaun”).

RHB Smart Account adalah akaun semasa konvensional. Manakala, RHB Smart Account-i adalah akaun semasa berlandaskan prinsip Islam di bawah konsep Komoditi Murabahah (kos campur keuntungan).

Q2 Siapa yang boleh membuka RHB Smart Account/ RHB Smart Account-i?
A2 RHB Smart Account/ RHB Smart Account-i terbuka kepada semua Pemastautin dan Bukan Pemastautin yang berusia 18 tahun ke atas dan berdasarkan akaun pemilik tunggal sahaja. Akaun atas nama bersama tidak dibenarkan untuk Akaun ini.

Q3 Adakah deposit permulaan diperlukan?
A3 Ya, deposit permulaan minimum ialah RM1,000.

Q4 Apakah kelebihan dan kadar faedah/ keuntungan bagi Smart Account / RHB Smart Account-i?
A4 Kadar faedah / keuntungan RHB Smart Account/ RHB Smart Account-i adalah seperti berikut:

Kadar Faedah / Keuntungan Asas

JUMLAH BAKI HUJUNG HARI	KADAR FAEDAH / KEUNTUNGAN ASAS SETAHUN
Kurang dari RM1,000	0.00%
RM1,000 dan ke atas	0.50%

PENGIRAAN FAEDAH / KEUNTUNGAN ASAS

$$\frac{\text{Jumlah Baki Hujung Hari} \times \text{Faedah / Keuntungan Asas}}{\text{Bilangan Hari Sebenar Tahun Tersebut}}$$
Kadar Faedah / Keuntungan Bonus

KATEGORI	*KADAR FAEDAH/ KEUNTUNGAN SETAHUN	KEPERLUAN
i. SIMPAN	Kadar bonus sebanyak 1.5% setahun bagi akaun Baki Purata Bulanan (BPB) sehingga RM100,000	Deposit minimum sebanyak RM2,000 dalam sebulan
ii. BAYAR	Kadar bonus sebanyak 0.5% setahun bagi akaun BPB sehingga RM100,000	Minimum tiga (3) pembayaran bil melalui perbankan dalam talian / perbankan mudah alih dalam sebulan
iii. BELANJA	Kadar bonus sebanyak 0.5% setahun bagi akaun BPB sehingga RM100,000	Perbelanjaan terkumpul sebanyak RM1,000 bagi Kad RHB Debit atau Kad Kredit dalam sebulan
iv. LABUR	Kadar bonus sebanyak 1.0% setahun (kadar datar) ke atas nilai pelaburan bersih	Pembelian produk kewangan RHB yang layak dengan jumlah minimum sebanyak RM1,000

Formula Pengiraan Faedah / Keuntungan Bonus Bagi Simpan, Bayar & Belanja

$$\frac{\text{Baki Purata Bulanan (BPB)} \times \text{Kadar Faedah / Keuntungan Bonus} \times \text{Jumlah Hari Sepanjang Bulan Kalendar}}{\text{Bilangan sebenar hari bagi tahun}}$$

Formula Pengiraan Faedah / Keuntungan Bonus bagi Labur

$$\text{Jumlah Pelaburan Bersih} \times \text{Kadar Faedah / Keuntungan Bonus}$$

* Nota: Kadar faedah / keuntungan adalah tertakluk kepada perubahan

Q5 Bagaimana untuk mendapatkan kadar faedah / keuntungan bonus bagi SIMPAN?

A5

- Deposit minimum sebanyak RM2,000 dalam sebulan ke RHB Smart Account/RHB Smart Account-i
- Harus mengekalkan BPB sebanyak RM1,000 dan ke atas dalam Akaun ini
- Kadar Faedah / Keuntungan Bonus yang diperoleh akan dikreditkan ke dalam Akaun pada hari ke-15 kalendar pada bulan yang berikutnya .

SIMPAN (JADUAL A) (urus niaga di bawah termasuk Kadar Bonus)		URUS NIAGA BUKAN SIMPANAN (JADUAL B) (urus niaga di bawah dikecualikan daripada Kadar Bonus)
<ul style="list-style-type: none"> i. Deposit Tunai ii. Deposit Pos Tunai iii. Pemindahan Kredit iv. Kredit Deposit Tetap v. Kredit Perintah Juruwang vi. Kredit Draf Permintaan vii. Pemindahan Kredit Telegrafi/ RENTAS/IBG viii. Pembayaran Peribadi/Kewangan Segera ix. Autokredit RHB 	<ul style="list-style-type: none"> x. Kredit Pembayaran MARA xi. Kredit Pembayaran KWSP xii. Deposit Kiriman Wang /Pesanan Pembelian xiii. Kredit Pemindahan Dana REFLEX xiv. Kredit Pembayaran Gaji REFLEX xv. Autokredit REFLEX xvi. Kredit MCA xvii. Kredit Pendahuluan Tunai IBK xviii. Kredit ATM IBFT di RHB xix. Kredit ATM IBFT di MEPS 	<ul style="list-style-type: none"> i) Pemindahan dana dalam akaun semasa/simpanan RHB ii) Deposit cek

Q6 Bagaimana untuk mendapatkan kadar faedah / keuntungan bonus bagi BAYAR?

A6

- Harus memenuhi keperluan untuk SIMPAN
- Kadar Faedah / Keuntungan Bonus yang diperoleh akan dikreditkan ke dalam Akaun pada hari ke-15 kalendar pada bulan yang berikutnya .

BAYAR (JADUAL A) (urus niaga di bawah termasuk Kadar Bonus)	BAYAR (JADUAL B) (urus niaga di bawah dikecualikan daripada Kadar Bonus)
Pembayaran bil di bawah Pengebil lain dan JomPAY yang dibuat kepada organisasi pengebilan menerusi RHB Now atau Perbankan Mudah Alih RHB Now.	<ul style="list-style-type: none"> i) Pembayaran kepada mana-mana Kad Kredit RHB ii) Pembayaran kepada mana-mana Pinjaman RHB

Q7 Bagaimana untuk mendapatkan kadar faedah / keuntungan bonus bagi BELANJA?

A7

- Harus memenuhi keperluan untuk SIMPAN
- Kadar Faedah / Keuntungan Bonus yang diperoleh akan dikreditkan ke dalam Akaun pada hari ke-15 kalendar pada bulan yang berikutnya .

PERBELANJAAN RUNCIT (JADUAL A) (urus niaga di bawah adalah termasuk Kadar Bonus)	PERBELANJAAN RUNCIT (JADUAL B) (urus niaga di bawah adalah dikecualikan daripada Kadar Bonus)	
(i) Pembelian runcit tempatan dan luar negara	i) Pelan Pembayaran Mudah/Easy (EPP) ii) Pemindahan Baki (BT) iii) Lebihan Tunai Kad Kredit iv) Baki Belum Jelas v) Caj Kewangan vi) Fi Tahunan vii) Caj Pembayaran Lewat	viii) Urus Niaga Berbalik ix) Urus Niaga yang Dipertikaikan x) Kad Urus Niaga Palsu xi) Fi Penggantian Kad xii) Cukai Barangan dan Perkhidmatan (CBP) xiii) Ansuran Dial-An xiv) Fi dan Caj lain

Q8 Bagaimana untuk mendapatkan kadar faedah / keuntungan bonus bagi LABUR?

A8

- Harus memenuhi keperluan untuk SIMPAN
- Pembelian produk kewangan **RHB yang layak dengan jumlah minimum sebanyak RM1,000.
- Kadar Faedah / Keuntungan Bonus yang diperoleh akan dikreditkan ke dalam Akaun pada hari ke-15 kalendar pada bulan yang berikutnya.

**Nota. Tertakluk kepada Terma dan Syarat

Q9 Adakah kemudahan overdraf disediakan untuk RHB Smart Account/ RHB Smart Account-i?

A9

Kemudahan overdraf TIDAK disediakan untuk Akaun ini.

Q10 Adakah kemudahan buku cek disediakan untuk RHB Smart Account/ RHB Smart Account-i?

A10

Kemudahan buku cek disediakan atas permintaan dan tertakluk kepada Terma dan Syarat

Q11 Bolehkah saya mengekalkan RHB Smart Account dan RHB Smart Account-i pada masa yang sama?

A11

Tidak. Anda hanya boleh mengekalkan satu (1) Akaun pada masa yang sama, sama ada RHB Smart Account atau RHB Smart Account-i.

Q12 Saya memiliki Kad Debit RHB, bolehkan ianya dipautkan ke RHB Smart Account/RHB Smart Account-i?

A12

Boleh. Hanya RHB Smart Account boleh dipautkan dengan Kad Debit RHB konvensional dan RHB Smart Account- i boleh dipautkan dengan Kad Debit RHB Islamic.

Q13 Di mana saya boleh menyemak penyata bulanan untuk Akaun ini?

A13

Anda boleh menyemak penyata bulanan tiga (3) bulan terkini melalui RHB Now.

Q14 Adakah terdapat sebarang caj perkhidmatan dan yuran dikenakan bagi RHB Smart Account/RHB Smart Account-i?

A14

Ya. Sila rujuk kepada Fi & Caj Perkhidmatan Umum RHB Bank/RHB Islamic Bank.

Q15 **Siapakah yang perlu saya hubungi jika saya mempunyai pertanyaan mengenai Akaun ini?**

A15 Anda boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami ditalian seperti di bawah :

- **Luar Negara dan Malaysia Barat : 03-9206 8118**
- **Malaysia Timur: 082-276118 (hanya dari hari Isnin hingga Jumaat dari pukul 10 pagi hingga 7 malam)**

NOTA PENTING:

RHB Smart Account dan RHB Smart Account-i adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat Akaun RHB Bank Berhad dan RHB Islamic Bank.

Seksyen 2

Soalan Lazim - Perkhidmatan RHB Rider

Q1 Apakah perkhidmatan *RHB Rider*?

A1 Perkhidmatan *RHB Rider* merupakan perkhidmatan pengaktifan akaun yang ditawarkan oleh RHB Banking Group. Perkhidmatan ini membolehkan pelanggan-pelanggan yang telah membuka akaun dalam talian untuk memohon kakitangan Bank melawat pejabat atau rumah mereka bagi mendapatkan perkhidmatan *RHB Rider* dan mengaktifkan akaun.

Q2 Adakah Perkhidmatan ini tersedia untuk semua Akaun Semasa dan Simpanan RHB?

A2 Pada masa ini, perkhidmatan ini hanya tersedia untuk RHB Smart Account/i, Konvensional dan Islamik.

Q3 Di lokasi manakah terdapatnya Perkhidmatan *RHB Rider*?

A3 Perkhidmatan *RHB Rider* hanya tersedia di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya (Kawasan Lembah Kelang).

Q4 Bagaimana memohon Perkhidmatan *RHB Rider*?

A4 Untuk mendapatkan perkhidmatan ini, anda perlu memohon untuk membuka akaun dalam talian RHB. Dalam permohonan tersebut, anda mesti memilih satu cawangan bank di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau Wilayah Persekutuan Putrajaya sebagai cawangan mastautin (melainkan bagi cawangan yang berikut: Rawang, Tanjung Karang, Banting, Jenjarom, Tanjung Sepat dan Sungai Pelek). Selain itu, anda mesti memilih Perkhidmatan *RHB Rider* untuk pengesahan ID dan mengaktifkan akaun dengan sekurang-kurangnya satu poskod pejabat atau rumah anda di dalam lokasi yang disebutkan.

Q5 Apakah yang berlaku sebaik sahaja saya memohon Perkhidmatan *RHB Rider* semasa membuka akaun dalam talian?

A5 Sebaik sahaja akaun anda Berjaya dibuka, anda akan dihubungi oleh kakitangan Bank pada hari bekerja yang berikutnya untuk menjadualkan temu janji bagi pengesahan ID dan penghantaran Kad Debit/-i RHB anda.

Q6 Bagaimana saya tahu bila kakitangan Bank akan melawat saya?

A6 Kakitangan Bank akan menghubungi anda untuk mengaturkan temu janji bagi pengesahan ID dan penghantaran Kad Debit/-i RHB. Tarikh dan masa temu janji akan dibincangkan dan dipersetujui bersama antara kedua-dua pihak.

Q7 Di manakah kakitangan Bank akan menemui saya untuk temu janji tersebut?

A7 Kakitangan Bank akan bertemu anda di lokasi yang anda pilih (pejabat atau rumah) semasa permohonan akaun dalam talian.

Q8 Bolehkan saya mengubah alamat untuk temu janji?

A8 Pelanggan-pelanggan tidak dibenarkan mengubah alamat temu janji daripada yang anda pilih semasa permohonan akaun dalam talian, ke lokasi yang berbeza.

Q9 Bagaimanakah saya tahu jika orang yang melawat saya sebenarnya seorang kakitangan Bank?

A9 Semua kakitangan akan diarahkan untuk menunjukkan ID Kakitangan RHB dan MyKAD kepada anda apabila bertemu dengan anda. Jika kakitangan lupa untuk menunjukkan ID kakitangan RHB mereka, andaboleh meminta kakitangan tersebut untuk menunjukkan ID kakitangan RHB mereka.

Q10 Untuk temu janji, apakah dokumen yang perlu saya berikan kepada kakitangan Bank?

A10 Untuk tujuan penentusahan, anda perlu memberikan Kad Pelbagai Guna Kerajaan Malaysia (KPGKM)/MyKAD yang digunakan semasa memohon akaun dalam talian. Akaun



ini tidak akan diaktifkan jika penentusahan ID pada Kad Pelbagai Guna Kerajaan Malaysia (KPGKM)/MyKAD gagal atau tidak sah.

Q11 **Adakah perkhidmatan *RHB Rider* ini menghantar Kad Debit saya?**

A11 Ya, kakitangan Bank akan menghantar kad debit anda. Selewat-lewatnya, pada hari bekerja berikutnya, kakitangan Bank akan mengaktifkan capaian perbankan internet anda ke RHB Now dan mendaftarkan nombor telefon mudah alih anda yang khusus untuk OTP (Kata Laluan Sekali).

Q12 **Bolehkan saya meletakkan deposit awal kepada kakitangan Bank?**

A12 Kakitangan Bank **tidak dibenarkan** memungut wang tunai atau cek daripada anda untuk apa-apa deposit awal atau apa-apa tujuan lain.

Q13 **Adakah perkhidmatan juga terdapat pada hujung minggu dan semasa cuti awam ?**

A13 Perkhidmatan *RHB Rider* tersedia dari hari Isnin ke hari Sabtu dari pukul 9 pagi hingga 9 malam. Pada masa ini, perkhidmatan ini tidak tersedia pada hari Ahad dan Cuti Awam.

Q14 **Siapakah yang perlu saya hubungi jika saya ingin mendapatkan lebih maklumat mengenai perkhidmatan ini?**

A14 Untuk maklumat lanjut, anda boleh menghubungi Pusat Jagaan Pelanggan kami melalui nombor telefon yang berikut:

- **Luar Negara dan Malaysia Barat : 03-9206 8118**
- **Malaysia Timur: 082-276118 (hanya dari hari Isnin hingga Jumaat dari pukul 10 pagi hingga 7 malam)**